IBRAHIM ALI & YANG LAIN

lwn.

UTUSAN MELAYU (M) BHD. & YANG LAIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
ABDUL RAZAK H
[GUAMAN SIVIL NO. S 6-23-120-89]
13 DISEMBER 1989

TORT: *Tindakan cela - Plaintif ahli politik - Rencana didalam akhbar mengenai ahli-ahli plaintif yang akan meninggalkan parti - Dinyatakan plaintif adalah punca sumber maklumat tersebut - Pencemaran nama baik - Tidak taat - Prinsip dalam kes pencelaan - Keadaan di Malaysia - Kebebasan bersuara - Injunksi sementara - Gantirugi yang cukup - Kegagalan dua defendan membuat afidavit walaupun saksi penting - Prinsip perlindungan bersyarat - Niat jahat - Nama plaintif hanya disiarkan dibeberapa negeri.*

Pihak plaintif pertama P1 ialah bekas ahli UMNO lama, Naib Presiden Semangat 46 dan ahli Majlis Tertinggi Semangat 46. Plaintif kedua P2 ialah Naib Presiden Semangat 46 dan ahli Majlis Tertinggi. Kedua-dua plaintif adalah ahli dewan rakyat. Pihak defendan pertama, D1 ialah akhbar Utusan Melayu dan defendan kedua dan ketiga, D2 dan D3 adalah pemberita untuk D1.

D2 dan D3 telah menulis suatu rencana didalam akhbar D1 bertarikh 11 November 1989 mengenai ahli-ahli Semangat 46 yang akan meninggalkan parti dan memasuki UMNO baru. Didalam akhbar yang disiarkan di Malaysia Timur, P1 dan P2 telah dinamakan sebagai punca sumber maklumat tersebut.

Kedua-dua plaintif berhujah bahawa nama baik mereka telah dicemar kerana rencana itu membawa makna bahawa plaintif tidak taat kepada parti dan tidak mempunyai prinsip dan keimbawaan dan bahawa plaintif adalah penakut dan mempunyai sifat yang lemah. Kedua-dua plaintif meminta defendan meminta maaf dan membayar ganti rosak tetapi defendan enggan. Seterusnya, P1 dan P2 mengambil tindakan cela.

Sementara itu, P1 dan P2 memohon supaya D1, D2 dan D3 dikenakan injunksi sementara dan dihalang menulis, mencetak atau menyiarkan didalam penerbitan akhbar rencana yang berkenaan sehingga perbicaraan.

Defendan berhujah bahawa maklumat tersebut disahkan oleh P1 dan bahawa maklumat itu adalah untuk kepentingan umum. Juga, defendan berkata bahawa adalah tugas D1 sebagai pencetak akhbar harian nasional untuk melapurkan perkara itu dan ia juga menafikan bahawa penyiaran itu palsu, atau dibuat dengan niat jahat atau tidak berasas.

Hanya D2 yang telah membuat afidavit menjawab dakwaan-dakwaan plaintif dan dia kata bahawa dia membuat afidavit tersebut untuk pihaknya dan juga untuk D1 dan D3.

Diputuskan:

[1] Mahkamah mempunyai hak untuk mengenakan injuksi sementara bagi menahan seseorang itu membuat kata-kata fitnah sebelum perkara itu dibicarakan dan menyekat defendan dari terus menyuarakan tuduhannya kerana akibatnya itu sungguh merbahaya dan tidak boleh atau sukar sekali hendak dibayar dengan wang ringgit sahaja.

[2] Kes-kes kecelaan yang dibicarakan di dalam Malaysia tidak patut mengikuti prinsip dari kes-kes Inggeris yang didengar oleh juri yang membenarkan seseorang membuat tuduhan atas akuannya yang dia akan membuktikan, dimana terserah kepada plaintif untuk menyatakan tuduhan itu tidak benar, kerana kes - kes ini dibicarakan oleh Hakim-Hakim sendiri, tanpa juri. Prinsip ini harus diubahsuaikan mengikut keadaan di negara kita dimana kata hikmat defendan itu seharusnya tidak berbangkit lagi dan terserah kepada defendan sebaliknya untuk membuktikan bahawa kecelaan itu berasas dan **boleh** dibuktikan, bukan **akan** dibuktikan.

[2] Penerimaan prinsip ini di England itu berdasarkan dan bergantung kepada hakikat kebebasan bersuara orang Inggeris yang telah diamalkan beratus-ratus tahun. Mahkamah berpendapat bahawa kebebasan bersuara itu tidak pernah dirasai di Malaysia dan terlalu awal bagi kita menyamakan kedudukan itu dengan taraf kebebasan yang telah dicapai dibarat, khususnya di England.

[3] Di segi undang-undang, kenyataan yang mencela bermakna sesuatu yang akan menjatuhkan seseorang dari pandangan orang-orang yang waras.

[4] (a) Kalau plaintif dikatakan telah memasuki UMNO dengan tidak disebut dari mana punca maklumat itu diterima, mungkin berita itu tidak akan memudaratkan nama baik seseorang kerana pihak umum akan berkata ia mungkin benar atau tidak. Tetapi sebaliknya, Kalau berita itu menyatakan pihak plaintif sendirilah punca muklumat itu, maka pihak umum seharusnya akan mempercayainya dan akibatnya akan berpendapat bahawa plaintif adalah seorang yang tidak mempunyai pendirian yang tetap, tidak mempunyai maruah, seorang opportunist, dan penderhaka yang tidak boleh dipercayai dan sebagainya;

(b) di dalam keadaan dimana parti itu baharu sahaja ditubuhkan dan jawatan tinggi yang dipegang oleh plaintif dalam parti itu, akibatnya mungkin akan melumpuhkan parti itu sendiri kerana banyak yang akan kecewa atas tindak-tanduknya. Kedudukan plaintif dan partinya ternyata tidak dapat dipisahkan. Akibatnya, partinya tidak akan mempunyai kepercayaan terhadapnya lagi dan plaintif mungkin akan kehilangan jawatan dalam parti itu sendiri - tidak mungkin kerugian-kerugian ini boleh dipulihkan dengan bayaran gantirugi sahaja.

[5] (a) Mahkamah tidak mendapati mana-mana autoriti yang menyatakan seseorang itu boleh membuat afidavit bagi pihak orang lain bahkan tindakan itu adalah bersetentang dengan sifat-sifat afidavit itu sendiri;

(b) kalau D1 dan D3 tidak membuat afidavit, bermakna tidak ada bukti berita yang dipertikaikan itu sebenarnya wujud dan kata-kata D2 itu menjadi keterangan "hearsay";

(c) keadaan defendan boleh dibezakan dengan keadaan plaintif kerana tanpa keterangan P2 pun, kedudukan plaintif tidak terjejas kerana kes P1 dan P2 boleh diasaskan dengan keterangan P1 sahaja - manakala, tuduhan pencelaan ini berpunca dari D1 dan D3 yang tidak membuat apa-apa afidavit;

(d) walau pun afidavit itu boleh diterima, apakah ketegasan yang boleh diberi kepadanya, didalam keadaan dimana, tanpa apa-apa sebab D1 enggan membuat afidavitnya sendiri, padahal sebagai sebuah akhbar, pengurus besarnya atau sesiapa yang bertanggungjawab diperingkat penyiaran, seharusnya tampil kehadapan - dia harus menyatakan setelah memastikan apa yang dikatakan oleh D2 dan D3 itu benar sepertimana yang dilaporkan didalam akhbarnya, dan bagaimana kepastian itu berlaku;

(e) D3 adalah saksi yang amat penting sekali kerana berita yang diterima oleh D2 adalah didapati dari D3 kerana D3 telah mendapat kenyataan-kenyataan itu dari plaintif sendiri;

(f) kesimpulan yang tidak dapat dielakkan ialah keengganan D1 dan D3 membuat afidavit ialah kerana kenyataan itu tidak wujud dan mereka bimbang bahawa membuat afidavit menyatakan perkara itu wujud sudah tentu akan didapati bercanggah apabila disoal oleh Peguam yang cekap di Mahkamah nanti.

[6] Mengenai pembelaan defendan atas prinsip perlindungan bersyarat, dalam kes ini tidak wujud kepentingan yang sama antara pihak plaintif dan defendan kerana defendan tidak menyiarkan nama plaintif di negeri-negeri barat tetapi nama mereka disiarkan dinegeri-negeri timur, dimana plaintif adalah wakil dewan rakyat bagi kawasannya di Kelantan. Adalah jelas bahawa tujuan defendan berbuat demikian adalah untuk mencemarkan nama baik plaintif sendiri kerana jika tidak, apakah penyiaran nama itu dibuat disatu tempat sahaja dan tertentu kepada dimana plaintif berada. Kalau penyiaran itu dibuat dengan hati yang jahat, maka perlindungan bersyarat itu tidak berasas dan tidak wujud.

[7] Keterangan defendan bahawa akhbar mereka telah menyiarkan penafian plaintif terhadap tuduhan defendan menunjukkan bahawa sebenarnya defendan yang bersalah, maka apakah ini perlu disebut kalau defendan berkata ia tidak bersalah.

[Permohonan plaintif dibenarkan.]

Kes-kes yang dirujuk:
Bonnard lwn. Perryman [1891] 2 Chancery 284
Crest Homes Ltd. lwn. Ascott (DFSR Jilid 6 1980 398
Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pao Tzu [1977] MLJ 56
Harakas lwn. Baltic Exchange 1982 2 AER 703
The New Straits Times Press (M) Bhd. lwn. Airasia Bhd. [1987] 1 MLJ 36

Perundangan yang dirujuk:
Evidence Act 1950, s. 101(2)

Sumber-sumber lain yang dirujuk:
Halsbury's Laws of England Jilid 24, Cetakan Tiga muka 6
Halsbury Perenggan 108 Cetakan 4 Jld. 28
Phipson On Evidence Jld. 13, m. 837

Bagi pihak plaintif - Yeoh Poh San & Co.
Bagi pihak defendan - Albar Zulkifly & Yap

PENGHAKIMAN

Abdul Razak H:

Pihak pemohon plaintif 1 and 2 memohon supaya pihak defendan 1, 2 dan 3 dikenakan injunksi, sehingga kepada hari kes terhadap mereka dibicarakan, dari terus menulis, mencetak atau menyiarkan di dalam penerbitan akhbar defendan 1 rencana-rencana (articles) mencela (libel) bahawa ahli-ahli Semangat 46 akan meninggalkan parti itu dan memasuki UMNO Baru dan dari menggunakan atau menamakan pihak plaintif sebagai punca maklumat itu dan menyatakan atau mendakwa bahawa pihak plaintif telah menghadiri satu mesyuarat untuk membincangkan perkara meninggalkan Semangat 46 untuk memasuki UMNO Baru dan membuat kata-kata yang seakan rupa yang membabitkan plaintif.

Pihak plaintif 1 ialah bekas ahli UMNO lama dan Naib Presiden Semangat 46. Ia adalah juga Ahli Majlis Tertinggi Semangat 46. Plaintif kedua ialah Naib President Semangat 46 dan Ahli Majlis Tertingginya. Kedua-dua plaintif adalah Ahli Dewan Rakyat. Pihak defendan 1 ialah Akhbar Utusan Melayu, defendan 2 dan 3 adalah Pemberita (Reporter) akhbar itu.

Pihak plaintif di dalam afidavitnya, dan bertindak juga bagi pihak plaintif kedua, berkata bahawa defendan 2 dan 3 telah menulis suatu rencana di dalam akhbar defendan 1 bertarikh 11 November 1989. Kandungannya itu agak panjang tetapi captionnya itu berbunyi:

> Tujuh Ahli Majlis Tertinggi Semangat 46 setuju sertai semula UMNO.

Berita itu selanjutnya melapurkan:

> Drs. Suleiman Mohamad adalah sumber kami bagi pihak UMNO dan Ibrahim Ali adalah sumber kami bagi pihak 46. Mereka tidak mahu nama-nama mereka disebut dalam story ini tetapi untuk makluman mereka yang terlibat di dalam rundingan semalam ialah Drs. Suleiman, Datuk Alias Ali, Ibrrahim Ali dan Ibrahim Azmi (Kumpulan tujuh). Lima bagi pemimpin 46 disahkan sebagai Ahli majlis tertinggi tetapi nama-nama mereka enggan diberitahu oleh Drs. Suleiman kerana khuatir backfire sebelum Dr. Mahathir jumpa Tunku esok.

Liputan itu menyambung:

> Wakil Kumpulan tujuh itu juga menegaskan bahawa mereka tidak menuntut sebarang syarat untuk menyertai semula UMNO tetapi semata-mata kerana menyedari hakikat sebenar UMNO sekarang yang tidak lari dari UMNO asal.

Perlu disebut di sini liputan itu telah diberitakan di Malaysia Barat dan Timur tetapi bagi liputan yang dibuat bagi Malaysia Barat nama kedua-dua plaintif sebagai sumber maklumat-maklumat itu tidak disebut, tetapi disebut di Malaysia Timur. Saya akan mengulas atas akibatnya perbezaan itu nanti. Pihak plaintif berkata dakwaan plaintif adalah punca sumber maklumat itu telah mencemarkan nama baik mereka kerana ia memberi makna bahawa plaintif tidak taat kepada parti dan tidak mempunyai prinsip dan kewibawaan (integrity) dan oleh itu tidak layak menjadi ahli politik. Kedua, bahawa mereka adalah orang yang penakut dan hypocrite kerana tidak mahu mendedahkan nama sendiri. Ketiga, bahawa mereka adalah orang yang mempunyai sifat yang lemah.

Pihak plaintif telah meminta defendan meminta maaf dan membayar ganti rosak atas kenyataan-kenyataan itu tetapi defendan telah enggan berbuat demikian. Ekoran itu plaintif telah mengambil satu tindakan writ terhadapnya.

Pihak defendan 2, yang juga bertindak bagi pihak defendan 1 dan 3, di dalam afidavit mereka berkata, mereka mendapat maklumat yang dibangkitkan setelah disebar melalui sumber-sumber yang boleh dipercayai, dan bagi mengesahkan maklumat itu, defendan 3 telah menyatakan kepadanya bahawa ia telah menemui plaintif 1 di Parlimen yang mengesahkan maklumat itu. Oleh itu, maklumat itu adalah satu yang telah disahkan oleh plaintif 1 sendiri. Katanya maklumat itu ialah untuk kepentingan umum (public interest) kerana adalah tugas defendan 1 sebagai pencetak akhbar harian nasional melapurkan perkara itu. Dakwaan bahawa peyiaran itu palsu dan dibuat dengan niat jahat (maliciously) oleh itu adalah tidak berasas. Bagaimanapun, katanya, pihak defendan 1 telah melapurkan penafian plaintif sendiri terhadap berita itu. Ia menambah kenyataan yang dibuat itu tidak boleh dimaknakan seperti mana yang didakwa. Bagaimanapun, semenjak penyiaran itu ia tidak lagi menyiarkan kenyataan tersebut. Katanya adalah kenyataan bahawa plaintif 1 telah pernah berpindah dari satu parti ke parti yang lain. Defendan tidak menyebut bahawa kenyataan itu dilindungi oleh hak perlindungan berhad (qualified privilege) tetapi itu adalah tersirat kerana ia menyatakan kenyataan itu adalah bagi kepentingan umum.

Saya rasa perlu disemak kembali hak Mahkamah mengenakan injunksi sementara bagi menahan seseorang itu membuat kata-kata fitnah sebelum perkara itu dibicarakan. Masalah ini telah mula-mula dibangkitkan di dalam kes *Bonnard lwn. Perryman* [1891] 2 Chancery 284 Lord Coleridge berkata:

> The right of free speech is one which it is for the public interest that individuals should possess, and, indeed, that they should exercise without impediment, so long as no wrongful act is done; and, unless an alleged libel is untrue, there is no wrong committed; but, on the contrary, often a very wholesome act is performed in the publication and repetition of an alleged libel. **Until it is clear that an alleged libel in untrue**, it is not clear that any right at all has been infringed; and the importance of leaving free speech unfettered is a strong reason in cases of libel for dealing most cautiously and warily with the granting of interim injunctions...In the particular case before us, indeed, the libellous character of the publication is beyond dispute, but the effect of it upon the defendant can be finally disposed of only by a jury, and we cannot feel sure that the defence of justification is one which, on the facts which may be before them, the jury may find to be wholly unfounded; nor can we tell what may be the damages recoverable. (Tekanan oleh saya).

Dari kata-kata itu kita harus menerima hakikat bahawa ada dua sebab yang penting di England kerana apa sesuatu injunksi sementara itu perlu dikenakan dengan berhati-hati oleh Mahkamah. Pertama, hak kebebasan seseorang itu bercakap adalah penting bagi muslihat umum diperlindungi. Kedua, samada sesuatu kenyataan yang dibuat itu fitnah yang tidak benar adalah soal fakta yang pihak Jury sahaja yang boleh membicara dan menentukan. Kes *Bonard* itu telah diikuti oleh kes-kes yang lain yang memberi pendapat yang agak serupa. Lord Denning di dalam kes *Crest Homes Ltd. lwn. Ascott* (DFSR Jilid 6 1980 m.398) berkata:

> An interlocutory injunction will not be granted in a libel case where the defendant says he is going to justify.

Stephenson LJ di dalam kes itu juga berkata:

> The general rule that a defendant who intends to plead justification will not be restrained from publishing a libel **unless the plaintiff can prove that the libel is untrue.** (Tekanan oleh saya).

Geoffrey Lane LJ berkata:

> The line of authority is long and weighty that interlocutory injunction in these cases will not be granted **unless the plaintiff shows that the defence of justification will not succeed.** (Tekanan oleh saya).

Di negara kita perkara ini telah diputuskan oleh Abdul Hamid, Pemangku Ketua Hakim (pada ketika itu) di dalam kes *The New Straits Times Press(M) Bhd. lwn. Airasia Bhd.* [1987] 1 MLJ 36 di mana ia berkata:

> The question of libel or no libel are eminently matters to be decided on facts at the trial and there is also the question of the proper meaning to be assigned to the words used in a particular statement. To restrain a defendant before the questions are determined would amount to fettering free speech. Indeed it is because of the importance of leaving free speech unfettered that the Court must be slow in issuing interim injunction in a libel action. In applying these principles, value is placed by the Court upon the freedom of speech which is related to the freedom of the press when balancing it against the reputation of a single individual who, if wronged, can be adequately compensated in damages. The Court should act cautionsly in granting interim injunction to restrain publication of an alleged defamatory statement. In fact it should not grant the injunction where the defendant says he is going to justify it at the trial of the action **except where the statement is obviously untruthful or where the plaintiff has satisfied the Court that the defence will fail**. (Tekanan oleh saya).

Di dalam menyarankan pendapatnya Abdul Hamid, Pemangku Ketua Hakim telah merujuk kepada kes-kes *Bonnard, Crest Homes, Monson lwn. Tussauds* dan *Quartz Hill Consolidated Gold Mining lwn. Beall* yang menyerapkan prinsip yang sama yang berasaskan kepada kes *Bonnard* yang disebut di atas.

Sebaliknya di dalam kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed lwn. Datuk Yeh Pao Tzu* [1977] MLJ 56 Yusoff J (pada ketika itu) pula berpendapat (untuk menentukan samada injunksi sementara itu perlu dikenakan) bahawa prinsip *Cyanamid*, yang tidak asing lagi itu harus digunakan, iaitu samada satu soal penting harus dibicarakan, sungguhpun prinsip ini tidak diterima di England di dalam kes-kes libel. Prinsip yang berasaskan kepada "kenyataan itu sesungguhnya tidak benar" dan "di dalam pembelaan itu akan gagal" oleh kes *New Straits Times* itu adalah juga prinsip yang diutarakan di dalam kes *Crest Homes* oleh Stephenson LJ dan Geoffrey Lane LJ. Saya tidak nampak ada perbezaan antara kedua prinsip itu, kerana kalau tuduhan itu sesungguhnya tidak benar seharusnya pembelaan itu tidak wujud lagi dan sebaliknya. Satu kesimpulan boleh dibuat daripada kes *New Straits Times* itu. Oleh kerana ia adalah tertentu kepada keadaan di mana kerugian itu boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak, bermakna, jika kerugian itu tidak dapat dipulihkan, kes itu tidak berkenaan dan boleh dibezakan. Samada sesuatu dakwaan itu jelas tidak benar adalah soal fakta yang seharusnya ditentukan mengikut keadaan yang wujud di sekeliling. Seperti mana saya tegaskan, kes *New Straits Times* itu adalah tertentu kepada kes-kes di mana kerugian plaintif itu boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak. Bermakna jika ini tidak boleh dilakukan, injunksi boleh dikenakan. Di dalam hal ini kita harus ingat kecelaan terhadap maruah dan nama baik seseorang itu boleh membinasakan seseorang lebih dari kerosakan yang ditimpa terhadap harta bendanya. Lord Halsbury di dalam kes *Monson*; berkata:

> I should have thought the protection of a man's character much more important than the protection of his trade (m. 691).

Kita bayangkan keadaan-keadaan seperti ini:

(a) B menuduh A, seorang yang mempunyai maruah dan mertabat yang tinggi dan amat dihormati oleh orang ramai, sebagai seorang pembunuh. Tidak ada laporan dibuat ke pihak polis atas tuduhan itu. Memadailahkan dengan akaun defendan akan membuktikan tuduhannya itu sahaja injunksi tidak dibenarkan, sungguhpun kerugian yang akan ditimpa tidak boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak sahaja, jika defendan didapati bersalah.

(b) B berkata A, seorang yang kaya raya, yang kewibawaannya yang tidak pernah dipertikaikan, mendapati kekayaannya dengan mengedar dadah. Adakah dakwaan ini boleh diterima, semata-mata atas akuan defendan bahawa ia akan membuktikan dakwaan itu di hari perbicaraan nanti, kalau difikirkan kerugian plaintif tidak boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak. Kerana akibatnya boleh memusnahkan perniagaan seseorang yang tidak boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak sahaja.

(c) B menuduh A, seorang Imam yang alim dan mempunyai hemat yang disanjung tinggi oleh masyarakat berzina dengan seorang gadis, adakah ini boleh diterima semata-mata atas akaun defendan ia akan membuktikan aduannya, jika akibatnya itu tidak boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak sahaja.

Di dalam ketiga-tiga keadaan ini sukar sekali hendak dikatakan Mahkamah tidak seharusnya mengambil tindakan menyekat defendan dari terus menyuarakan tuduhannya kerana akibatnya itu sangat merbahaya dan tidak boleh atau sukar sekali hendak dibayar dengan wang ringgit sahaja.

Saya rasa ada eloknya kalau kita meninjau sebagai pendapat sepintas lalu, atas kewibawaan prinsip yang membenarkan seseorang itu membuat tuduhan atas akaunnya hendak membuktikannya, dan menyerahkan kepada plaintif pula sebaliknya tugas menyatakan bahawa tuduhan defendan itu tidak benar, kerana megikut kaedah biasa, sepatutnya orang yang membuat tuduhan itu benar. (he who affirms must prove, s. 101 subs. 2 Evidence Act). Apakah kaedah itu mesti diubah dan bebanan itu dipindah sebaliknya kepada pihak yang kena cela pula membuktikan, semata-mata kerana tuduhan itu dibuat oleh pihak yang mencela. Ini pada hemat saya amat ganjil sekali. Kita harus ingat di England kes-kes kecelaan adalah dibicarakan oleh pihak Jury dan Hakim-Hakim tidak mahu mencampuri tugas pihak Jury sebelum perkara itu dibicarakan. Oleh itu, akaun defendan bahawa ia akan membuktikan tuduhannya itu adalah seolah-olah kata hikmat yang Mahkamah harus menerima, melainkan jika ada bukti sebaliknya, yang kadang-kadang sukar hendak didedahkan. Tetapi, di dalam keadaan di mana kes-kes itu dibicarakan di sini oleh Hakim-Hakim sendiri, seharusnya peraturan itu tidak perlu diikuti, bahkan harus diubahsuaikan mengikut keadaan kita sendiri, di mana kata hikmat defendan itu seharusnya tidak berbangkit lagi dan terserah kepada defendan sebaliknya membuktikan bahawa kecelaan itu berasas dan boleh dibuktikan, bukan lagi akan dibuktikan, seperti mana keadaannya sekarang dan soal pihak plaintif membuktikan bahawa tuduhan itu sebenarnya palsu tidak berbangkit lagi. Tidak ada sebab lagi di negara kita tugas itu mesti dipikul oleh pihak plaintiff.

Kita harus ingat, penerimaan Mahkamah Inggeris atas kata hikmat itu adalah berdasarkan dan bergantung kepada hakikat bahawa kebebasan bersuara itu telah beratus-ratus tahun diamalkan dan pihak umum tetap dan sentiasa peka atas kewajipan dan tanggungjawab mereka tidak akan menggunakan hak itu dengan sesuka hati dan sewenang-wenangnya. Ini boleh dikatakan telah menjadi satu tradisi, dan orang Inggeris tebal dengan tradisinya. Hyde Park tidak asing lagi adalah lambang yang menyerlah atas kebebasan bersuara. Pidato-pidatonya menyatakan sesuatunya itu dengan tegas dan lantang sekali baik di dalam apa topic dan perkara pun. Tetapi, platform itu bukan platform untuk menyerang peribadi seseorang.

Sebaliknya kita belum berani lagi mengadakan Hyde park untuk berpidato-pidato. Kita masih membangun. Bilangan penduduknya masih ada yang buta huruf. Kita baharu sahaja lepas dari belengu penjajahan. Kebebasan bersuara itu tidak pernah dirasai sebelumnya bahkan kini kita sedang belajar menggunakannya. Di dalam keadaan dan suasana itu agak terlalu awal bagi kita menyamakan kedudukan itu dengan taraf kebebasan yang telah dicapai di barat, khususnya di England.

Saya lihat di dalam kes *New Striats Times* kes *Datuk Syed Kechik bin Syed Mohamed lwn. Daruk Yeh Pao Tzu* [1977] MLJ 56 tidak dirujukkan ke Mahkamah. Saya tidak tahu apa sebab. Agak saya, ialah kerana kes itu tidak diterima di England di dalam kes-kes mencela, tetapi apa yang menarik di dalamnya ialah ia menyatakan bahawa samada tuduhan defendan itu jelas tidak benar atau sebaliknya boleh dibuat kesimpulan dari keadaan sekeliling. Saya rasa ini penting kerana sepertimana saya katakan, tugas membuktikan sesuatu kecelaan itu tidak benar, (apabila tugas itu terletak di atas plaintif) dengan bukti-bukti yang nyata, adalah berat dan sukar.

Di segi undang-undang kenyataan yang mencela bermakna sesuatu yang akan menjatuhkan seseorang dari pandangan (estimation) orang-orang yang waras (*Halsbury's Laws of England* Jilid 24 Cetakan Tiga muka 6). Cuba kita lihat, oleh itu, kedudukan kes ini. Pihak plaintif berkata defendan telah membuat kata-kata yang tidak benar bahawa mereka telah memberitahu defendan mereka akan meninggalkan Semangat 46, yang telah menjejaskan nama baiknya. Apa yang tidak dinafikan ialah, Semangat 46 adalah sebuah parti yang berdaftar, dikatakan telah

ditubuhkan dengan tujuan menghidupkan balik parti UMNO yang lama setelah parti itu diharamkan oleh Mahkamah. Pengharaman itu telah mengakibatkan parti UMNO Baru ditubuhkan. Ahli-ahli party Semangat 46 oleh itu adalah ahli-ahli UMNO sebelum diharamkan. Pihak plaintif adalah Naib Presiden dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Semangat 46; mereka memegang jawatan yang penting di dalam parti, maknanya. Kalau plaintiff dikatakan telah memasuki UMNO, **dengan tidak disebut dari mana punca maklumat itu diterima**, mungkin berita itu tidak akan memudaratkan nama baik seseorang kerana pihak umum akan berkata ia boleh jadi benar, boleh jadi tidak benar. Mungkin orang mengatakan ia tidak benar kerana sesudah menubuhkan parti, tentulah ahli-ahli parti itu apatah lagi ketua-tuanya tidak akan meninggalkannya dengan sekelip mata sahaja. Tetapi, sebaliknya, kalau berita itu menyatakan pihak plaintif sendirilah punca maklumat itu, maka pihak umum seharusnya akan mempercayainya dan akibatnya tidak dapat tidak mereka akan berpendapat plaintif adalah seorang yang tidak mempunyai pendirian yang tetap, tidak mempunyai maruah, seorang opportunist, dan penderhaka yang tidak boleh dipercayai dan sebagainya. Di dalam keadaan di mana parti itu baharu sahaja ditubuhkan dan pihak plaintif adalah dua orang daripada Naib Presidennya, akibatnya mungkin akan melumpuhkan parti itu sendiri kerana banyak yang akan merasa kecewa atas tindak-tanduknya. Kedudukan plaintif dan partinya ternyata tidak dapat dipisahkan. Akibatnya nanti, partinya tidak akan mempunyai kepercayaan terhadapnya lagi dan mungkin akan kehilangan jawatan dalam parti itu sendiri. Bahkan parti dan ahli-ahlinya akan berpecah-belah. Adakah kerugian-kerugian ini boleh dipulihkan dengan bayaran ganti rosak sahaja. Saya percaya tidak mungkin.

Pihak plaintif telah menafikan dakwaan defendan sebagai punca berita yang dilaporkan, bahkan katanya defendan sendiri telah menyiarkan di dalam akhbar mereka penafian plaintif itu. Ekoran itu ia telah mengambil tindakan di hadapan saya ini dengan secepat mungkin. Segala-gala katanya telah dilakukan bagi menunjukkan ia bertindak benar di dalam hal ini.

Saya berpendapat dalil-dalil adalah ke arah menyatakan bahawa pihak defendan tidak bercakap betul benar di dalam hal ini. Sungguhpun tuntutan itu dibuat terhadap ketiga-tiga defendan, defendan 2 sahaja yang telah membuat afidavit menjawab dakwaan-dakwaan plaintif. Defendan 2 berkata is membuat afidavit itu bagi pihaknya sendiri dan juga bagi pihak defendan 1 dan 3, tetapi apakah defendan 1 dan 3 tidak mahu berbuat demikian, walhal berita itu telah dilaporkan oleh akhbar defendan 1 dan defendan 1 dan 2 dikatakan telah mendapat maklumat penting itu dari defendan 3. Apakah dengan sebab keterangan-keterangan ini dibuat dengan secara afidavit mereka boleh mengelak dari memberi keterangan sendiri, pada hal jika keterangan itu dibuat di Mahkamah dengan secara lisan, mereka dikehendaki bercakap sendiri. Dia tidak boleh mewakilkan pihak lain bercakap baginya, melainkan jika yang mewakilinya itu mempunyai Power of Attorney berbuat demikian. bahkan, pada penglihatan saya, pada hakikatnya keterangan defendan 2 itu, jika dibandingkan dengan defendan 1 dan 3 tidak penting kerana dia cuma menyampaikan sahaja apa yang dikatakan oleh defendan 3, yang sebenarnya menjadi Star witness di situ. Selalunya di Mahkamah kalau yang mendakwa atau Star witness itu sendiri tidak tampil kehadapan, tanpa apa-apa sebab, kes itu akan tetap dibuang, atas sebab ia tidak mempunyai asas.

Kedudukan affidavit adalah tidak berbeza dengan keterangan seseorang yang diberi di Mahkamah, iaitu ia adalah keterangan yang bersumpah. *Philipson On Evidence* Jld. 13 m.837 berkata:

> Affidavit evidence can only be entitled to the same weight as oral evidence if those who swear the affidavits realise that the obligation of the oath is as serious when making an affidavit as when making statements in the witness-box.

Atas kata-kata itu, bagaimanakah pihak defendan 2 boleh bersumpah bahawa defendan 1 dan 3 sedar tanggungjawab bersumpah itu adalah serupa seriousnya, baik bila membuat afidavit, mahupun membuat keterangan secara lisan di Mahkamah, kalau mereka-mereka itu sendiri iaitu defendan 1 dan 3 tidak bersumpah.

Saya tidak mendapati mana-mana authoriti yang menyatakan seseorang itu boleh membuat afidavit bagi pihak orang lain bahkan tindakan itu adalah bertentangan dengan sifat-sifat afidavit itu sendiri. Afidavit sebagai surat sumpah adalah dibuat di hadapan Pesuruhjaya Sumpah oleh mereka-mereka yang dibenarkan oleh Akta Oath dan Affirmation 1949 berbuat demikian. Maknanya afidavit itu hendaklah dibuat oleh orang yang membuat sumpah itu sendiri. Kalau tidak, dokumen itu bukan satu afidavit. Pentingnya dokumen itu suatu afidavit ialah kerana afidavit ialah evidence secara bertulis yang dibenarkan oleh Mahkamah, selain dari evidence secara lisan yang diberi di Mahkamah. Kalau defendan 1 dan 3 tidak membuat afidavit, bermakna tidak ada evidence berita yang dipertikaikan itu sebenarnya wujud. Kata-kata defendan 2 itu menjadi oleh itu, "hearsay" semata-mata. Pendapat saya ini adalah juga ditujukan kepada plaintif 1 yang juga membuat afidavit bagi plaintif 2, tetapi akibatnya ternyata tidak serupa, kerana tanpa keterangan plaintif 2 pun, kedudukan plaintif tidak terjejas kerana kes plaintif 1 dan 2 boleh diasaskan, pada peringkat ini, dengan keterangan plaintif 1 sahaja. Tetapi pihak defendan tidak mempunyai asas kerana tuduhan itu berpunca dari defendan 3 dan 1 yang tidak membuat apa-apa afidavit. Pada pendapat saya, sekalipun afidavit itu boleh diterima, apakah ketegasan (weight) yang boleh diberi kepadanya, di dalam keadaan di mana, tanpa apa-apa sebab defendan 1 enggan membuat afidavitnya sendiri, pada hal sebagai sebuah akhbar, Pengurus Besarnya atau sesiapa yang bertanggungjawab di peringkat penyiaran, seharusnya tampil ke hadapan. Dia harus menyatakan telah mempastikan apa yang dikatakan oleh defendan 2 dan 3 itu benar seperti mana yang dilaporkan di dalam akhbarnya, dan bagaimana kepastian itu telah dilakukan. Kalau apa yang dilaporkan itu benar, apakah dia tidak berani dan bersedia tampil ke hadapan menyatakan hakikat itu. Apakah ia sanggup dan mahu berselindung di sebalik defendan 2 sahaja yang cuma bertugas sebagai pemberita, bukan orang yang bertanggungjawap menyiarkan sesuatu. Begitu juga dengan defendan 3. Dia adalah saksi yang amat penting sekali. Lebih penting dari defendan 2 lagi, kerana berita yang diterima oleh defendan 2 adalah cuma didapati dari defendan 3. Ini dinyatakan oleh defendan 2 sendiri di dalam afidavitnya. Defendan 3 dikatakan telah mendapat kenyataan-kenyataan itu dari plaintif sendiri. Apakah, oleh itu, ia tidak mahu membuat afidavit menyatkan apakah yang sebenar telah berlaku. Kalau ada sebab-sebab yang tertentu kerana apa defendan 1 dan 3 tidak boleh tampil ke hadapan, seharusnya Mahkamah diberitahu kerana jika tidak, kesimpulan yang tidak dapat dielakkan ialah keengganan mereka membuat afidavit ialah kerana kenyataan itu tidak wujud dan mereka bimbang bahawa membuat afidavit menyatakan perkara itu wujud sudah tentu akan didapati bercanggah apabila disoal oleh Peguam yang cekap di Mahkamah nanti. Perhatian saya seterusnya ialah, di dalam afidavitnya defendan 2 telah menyatakan bahawa maklumat yang diterimanya telah disebarkan oleh punca-punca yang boleh dipercayai. Bagi mempastikan berita yang disebarkan itu benar, sepatutnya punca maklumat itu didedahkan tetapi tidak. Dia tidak memberi sebab kerana apa nama-nama mereka punca maklumat itu tidak mahu didedahkan. Kesimpulannya sekali lagi ialah bermakna punca-punca itu sebenarnya tidak wujud. Sebaliknya kalau defendan 2 berkata punca itu boleh dipercayai, maka apakah ia perlu disahkan oleh plaintif 1 dan 2 lagi. Keadaan yang bercanggah-canggah ini cuma berhasil mengesahkan hakikat bahawa kata-kata defendan itu tidak wujud dan tidak berasas.

Satu dari pembelaan defendan di dalam kes ini ialah bahawa adalah haknya membuat kata-kata yang dibantah oleh plaintif, berasaskan kepada perlindungan bersyarat (qualified privilege). Di bawah prinsip itu undang-undang memberi perlindungan, di masa-masa yang tertentu, kepada seseorang yang bertindak dengan hati yang suci (good faith), tanpa apa-apa muslihat yang tidak betul, membuat sesuatu kenyataan terhadap pihak lain yang didapati sebenarnya tidak benar dan mencela (*Halsbury* Perenggan 108 Cetakan 4 Jld. 28). Ini bermakna kalau kata-kata itu dibuat dengan niat yang jahat (malice), maka perlindungan itu dengan sendirinya akan tergugur. Adalah syarat yang penting untuk mendapatkan perlindungan itu bahawa mestilah ada kepentingan dan tugas yang sama antara pihak yang membuat kata-kata itu dengan pihak yang menerimanya. Saya tidak perlu menyatakan samada kepentingan bersama itu wujud antara pihak defendan dan plaintif di sini, kerana sekalipun ada, plaintif berkata, defendan mempunyai niat yang jahat terhadapnya bila masa penyiaran di akhbar itu dibuat; ini jelas dari cara siaran itu dilakukan kerana di dalam siarannya di sebelah Negeri-Negeri Barat, nama-nama plaintif itu tidak disebut, tetapi, disiarannya di sebelah Negeri-Negeri Timur, nama-nama plaintif itu ada dinyatakan. Saya juga diingat plaintif adalah Wakil Dewan Rakyat bagi kawasannya di Kelantan dan bermastautin di situ. Pihak defendan tidak menyatakan apa sebab ia berbuat demikian, dan atas tuduhan plaintif bahawa ini dilakukan dengan hati yang jahat, defendan cuma berkata bahawa perkara itu adalah bagi faedah umum bermakna tuduhan itu tidak dijawap. Saya rasa adalah jelas tujuan defendan berbuat demikian untuk mencemarkan nama pihak plaintif sendiri kerana jika tidak, apakah pernyiaran nama itu dibuat di satu tempat sahaja dan tertentu kepada di mana plaintif berada. Kalau penyiaran itu dibuat dengan hati yang jahat maka perlindungan bersyarat itu tidak berasas dan tidak wujud. Pihak defendan berkata dakwaan bahawa plaintif telah meninggalkan party 46 dan memasuki UMNO itu tidak akan mencemarkan nama baiknya kerana adalah sudah menjadi amalan plaintif 1 berbuat demikian. Tetapi apakah jawapannya pula bagi plaintif 2, yang tidak dinafikan belum pernah bertukar parti. Memang benar bertukar dari satu parti ke satu parti yang lain bukan satu perkara yang luar biasa dilakukan oleh ahli-ahli politik. Tetapi, kalau telah dilakukan dahulu dan diulangi sekali lagi, itu tentulah akan lebih-lebih lagi menjatuhkan nama seseorang di kaca mata masyarakat, kerana detik itu akan cuma mengesahkan pendapat mereka dari kejadian yang sudah berlaku bahawa plaintif adalah sebenarnya seorang opportunist bukan pembela bangsa. Akibatnya, seperti mana saya katakan, bukan sahaja akan menjatuhkan maruah dan nama baik plaintif bahkan boleh menghancurkan parti itu sendiri.

Saya suka menarik perhatian Lord Denning di dalam kes *Harakas lwn. Baltic Exchange* [1982] 2 AER 703 Dia berkata:

> So also, when an occasion is protected by qualified privilege, this Court never grants an injunction to restrain a slander or libel, to prevent a person from exercising that privilege, unless it is shown that what the defendant proposes to say **is known by him to be untrue** so that it is clearly malicious. So long as he proposes to say what he honestly believes to be true, no injunction should be granted against him.

Saya rasa adalah hakikat kaedah bahawa samada seseorang itu mengetahui sesuatu boleh dibuat kesimpulannya dari keadaan yang wujud di sekeliling.

Saya percaya kaedah ini boleh dipakai di dalam kes mencela, semacam mana di kes-kes yang lain juga. Saya telah menyatakan dengan agak panjang lebar bagaimana pada pendapat saya defendan 1, 2 dan 3 tahu apa yang dikatakan oleh mereka terhadap plaintif itu tidak benar; sebahagian besarnya pendapat ini dibuat dari fakta-fakta yang wujud di sekeliling. Sedikit sebanyak rasa saya kesimpulan ini boleh juga diambil dari apa yang dikatakan oleh defendan

sendiri di dalam pembelaannya. Defendan di situ berkata akhbar mereka telah menyiarkan penafian plaintif terhadap tuduhan defendan. Tetapi, apakah ini perlu disebut lalu kalau defendan berkata is tidak bersalah. Hakikatnya ialah sebenarnya defendan bersalah, tetapi tidak mahu mengaku salah; walaupun begitu, mahu meringankan akibatnya, jika didapati bersalah nanti dengan berkata ia telah mencuba mengelokkan keadaan supaya tidak menjadi lebih buruk lagi.

Saya memutuskan oleh itu permohonan plaintif ini dibenarkan dengan bayaran kos.

Also found at [1991] 2 CLJ 1318